

PM mahu Kelantan mohon cara rasmi

BM 19 APR 1992

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kerajaan Kelantan mengemukakan permohonan rasmi sekiranya mereka mahu Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan kerajaan negeri itu melaksanakan hukum hudud.

Perdana Menteri berkata, kesediaan Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan pada bila-bila masa adalah bagi mengelakkan tuduhan Pas kononnya Kerajaan Pusat menjadi penghalang kepada pelaksanaan hukum berkenaan di Kelantan.

"Kita tidak tahu sama ada betulkah ada sekatan terhadap kerajaan negeri (bagi melaksanakan hukum hudud) dalam Perlembagaan Malaysia. Ka-

lau ada sekatan kita akan hapuskannya.

"Kalau dia (Kerajaan Kelantan) minta kita pinda, kita akan pinda secepat mungkin," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun serta rombongan selepas melakukan lawatan ke Austria, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie; Timbalan Menteri Pendidikan, Dr Leo Michael Toyad serta pegawai kanan kerajaan lain.

Dr Mahathir berkata, Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak perlu menemuinya bagi meminda Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan tetapi memadai dengan menulis surat.

Mengulas laporan DAP mahu mengambil tindakan mahkamah sekiranya Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud, Perdana Menteri berkata, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, tidak harus melepaskan diri dengan mem-babitkan MCA dan Gerakan supaya menentang pelaksanaan hukum itu.

"Perkara itu adalah masalah DAP. DAP sokong Pas, itu terpulang kepada DAP. Tetapi kenapa ketika ini pula dia (DAP) nak bekerjasama dengan

Gerakan dan MCA sedangkan dulu mereka tidak mahu.

"Calon MCA yang bertanding dalam pilihanraya di Kota Bharu sebelum ini, tidak pernah kalah. Tetapi dalam pilihanraya 1990, MCA kalah kepada Pas kerana ada orang Cina dipujuk oleh DAP supaya menyokong Pas.

"Jadi sekarang, apa yang Pas buat adalah hasil daripada sokongan DAP kepada Pas," katanya.

Menurut Dr Mahathir, banyak negara Islam tidak melaksanakan hukum hudud tetapi tidak bermakna mereka tidak Islam.

"Mereka mengikut sia-sah atau keadaan. Kita pun mengikut keadaan," katanya.